

# Pemuda MCA, Gerakan akan buat penjelasan

KUALA LUMPUR 3 Okt. - Pemuda MCA akan membuat penjelasan hingga ke peringkat akar umbi berhubung isu berkaitan kenyataan Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin.

Ketuanya, Datuk Liow Tiong Lai berkata, usaha itu perlu dilakukan segera supaya ia dapat menjelaskan segala kekeliruan yang timbul sebelum ini.

Beliau berkata, dalam mesyuarat hari ini semua pihak telah dimaklumkan bahawa kekeliruan yang timbul adalah disebabkan salah tafsir oleh pihak-pihak tertentu.

"Kita akur dengan arahan dikeluarkan pada mesyuarat hari ini. Sebagai parti komponen yang membentuk Barisan Nasional, Pemuda MCA komited melaksanakan tugas ini.

"Kita mahu keharmonian BN dapat terus dikekalkan dan atas semangat BN saya yakin semua peringkat akan taham terhadap penjelasan kita berikan kelak," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mesyuarat Pemuda BN di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di

sini hari ini.

Mesyuarat hari ini memutuskan supaya kepimpinan Pemuda komponen BN turun ke peringkat akar umbi bagi menjelaskan isu berkaitan kenyataan yang dikeluarkan oleh Khairy sebelum ini.

Khairy pada Ogos lalu didakwa mengeluarkan kenyataan bahawa kaum Cina akan mengambil kesempatan daripada kelemahan UMNO.

Beliau didakwa membuat kenyataan tersebut sewaktu merasmikan Persidangan Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian Jer-

lun, Kedah.

Khairy bagaimanapun mempertahankan kenyataan beliau dengan menyatakan yang ia diputar belit oleh pihak tertentu.

Sementara itu, Ketua Pemuda Gerakan, Datuk Mah Siew Keong berkata, pihaknya juga akan melakukan perkara sama.

"Gerakan merupakan parti komponen BN dan kita perlu menyelesaikan isu ini dengan semangat BN. Saya yakin isu ini dapat diselesaikan melalui pendekatan yang akan kita ambil," tambahnya.